

Program Bantuan Kewangan Keganasan Keluarga dan Domestik Palang Merah

Program Bantuan Kewangan Keganasan Keluarga dan Domestik (FDV) Palang Merah Australia akan memberikan bantuan kewangan dan sokongan kes kepada mereka yang layak yang sedang menetap menggunakan visa sementara, atau dengan status visa yang tidak menentu, yang sedang berhadapan dengan masalah keganasan keluarga dan domestik, dan memerlukan bantuan kewangan.

Anda mungkin layak jika anda memenuhi kriteria berikut:

- Anda *bukan* seorang warganegara atau pemastautin tetap Australia, *dan*
- Anda sedang berhadapan atau berada dalam risiko berhadapan dengan keganasan keluarga dan domestik, *dan*
- Anda sedang mengalami kesukaran dari segi kewangan

Bagaimana saya boleh mendapat bantuan?

Anda boleh memohon untuk bantuan secara atas talian di www.redcross.org.au/familyviolencerelief.

Jika anda perlukan bantuan untuk membuat permohonan hubungi Palang Merah di 1800 RED CROSS (1800 733 276) semasa waktu perniagaan, Isnin hingga Jumaat, atau emel kepada NAT_FDV_PILOT@redcross.org.au.

Kontak yang anda buat dengan Palang Merah adalah rahsia. Kami menyimpan maklumat yang anda berikan bersama permohonan anda dengan selamat pada setiap masa.

Jika anda memerlukan seorang penterjemah, anda boleh hubungi Perkhidmatan Alih Bahasa dan Terjemahan di 131 450, dengan menyatakan bahasa pilihan anda dan meminta untuk dihubungkan kepada 1800 733 276.

Bagaimana untuk merujuk seorang pelanggan

Jika seseorang individu sedang dibantu oleh sebuah agensi FDV khas atau lain-lain perkhidmatan, cara terpantas dan paling selamat untuk membuat rujukan adalah untuk agensi itu melawat laman web itu, melengkapkan borang rujukan itu, dan membantu pelanggan itu untuk mendaftar diri sendiri.

Bantuan tambahan boleh didapati

Bantuan tambahan boleh didapati melalui perkhidmatan percuma yang berikut

1800 737 732 1800 RESPECT – Talian bantuan serangan seksual dan keganasan domestik kebangsaan

13 11 14 Talian bantuan sokongan krisis dan pencegahan perbuatan membunuh diri

1800 55 1800 Talian bantuan Kanak-kanak

Untuk maklumat lanjut lawati www.redcross.org.au/familyviolencerelief